



KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM

SIARAN MEDIA

NRES SASAR 200 ZON RENDAH KARBON MENJELANG 2030

Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) hari ini menegaskan komitmen tidak berbelah bahagi dalam menangani krisis iklim global dengan menetapkan sasaran strategik untuk mewujudkan 200 Zon Rendah Karbon di seluruh negara menjelang tahun 2030. Usaha ini merupakan langkah proaktif dalam mentransformasikan kawasan bandar sebagai pemangkin utama pertumbuhan ekonomi hijau dan kesejahteraan rakyat yang berdaya tahan iklim.

Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Datuk Seri Arthur Joseph Kurup menyatakan bahawa peranan bandar adalah kritikal memandangkan lebih 70% daripada pelepasan gas rumah kaca (GHG) global tertumpu di kawasan bandar. Sehubungan itu, Malaysia telah mengemukakan sasaran pengurangan pelepasan GHG negara yang lebih progresif di bawah Perjanjian Paris melalui Malaysia's Third Nationally Determined Contributions (NDC 3.0) pada 24 Oktober 2025 yang lalu.

"Melalui NDC 3.0, Malaysia komited untuk mengurangkan pelepasan GHG secara mutlak sebanyak 15 hingga 30 juta tan karbon dioksida setara menjelang tahun 2035. Daripada jumlah tersebut, pengurangan sebanyak 20 juta tan akan dilaksanakan melalui usaha domestik tanpa syarat, manakala baki 10 juta tan lagi tertakluk kepada sokongan antarabangsa dari segi pembiayaan dan pemindahan teknologi. Ini adalah isyarat jelas kepada dunia bahawa Malaysia serius memainkan peranan sebagai rakan global yang bertanggungjawab," kata beliau semasa berucap di Majlis Anugerah Bandar Rendah Karbon 2025.

Bagi memastikan sasaran ini bukan sekadar retorik, NRES kini berada di peringkat akhir pengubalan Rang Undang-Undang Perubahan Iklim (RUUPIN) dan Rang Undang-Undang Pihak Berkuasa Perubahan Iklim Negara (RUUIKLIM). Perundangan ini akan memperkukuh tadbir urus perubahan iklim negara serta memudah cara pelaksanaan Dasar Pasaran Karbon Kebangsaan (DPKK) bagi memacu ekosistem kredit karbon yang telus.

Berdasarkan data audit oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC), inisiatif bandar rendah karbon sepanjang tahun 2025 telah membuahkan hasil yang membanggakan dengan pengurangan pelepasan sebanyak

324,073.84 tan karbon dioksida setara. Jumlah penyerapan karbon (carbon sequestration) pula mencecah 80,837.06 tan, yang secara simboliknya bersamaan dengan penanaman 10.12 juta batang pokok matang atau pengurangan 87,650 buah kereta setahun di jalan raya.

Dalam majlis tersebut, sebanyak 164 Pengiktirafan Diamond telah diberikan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan rakan kongsi atas kecemerlangan mereka dalam mengurangkan pelepasan GHG. Arthur turut merakamkan penghargaan kepada PBT dari negeri Selangor, Johor, Melaka, Pahang, dan Kedah yang menunjukkan konsistensi tinggi, serta menggesa penyertaan lebih meluas dari negeri-negeri lain, termasuk Sabah dan Sarawak, bagi mencapai agenda kelestarian secara menyeluruh menjelang 2030.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)

12 FEBRUARI 2026



Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)

Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763

    nresmalaysia